

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

YMT 302 Komunikasi Antarabudaya

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Dewasa ini, budaya kebangsaan kian diancam oleh budaya popular, terutamanya menerusi sistem komunikasi massa. Nilaiikan dakwaan ini.

(25 markah)

2. Menurut Gramsci, bagaimanakah timbulnya krisis hegemoni? Dengan menggunakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan bagaimana budaya dominan cuba mengatasi krisis ini.

(25 markah)

3. Dengan menggunakan contoh-contoh persembahan tempatan atau persembahan antarabangsa, bincangkan dakwaan bahawa muzik popular atau budaya rock tidak membawa apa-apa faedah kepada masyarakat.

(25 markah)

4. Penentangan terhadap sistem masyarakat yang dimajukan oleh pergerakan budaya menentang adalah penentangan yang tidak berdasarkan kelas. Bincang.

(25 markah)

5. Dengan menggunakan contoh-contoh yang nyata, bincangkan pendapat bahawa stail dan muzik golongan budaya "sub" merupakan lafazan memberontak. Sejauh manakah berjayanya pemberontakan ini?

(25 markah)

...2/-

6. Nilaiikan dakwaan bahawa "budaya Malaysia" adalah "budaya majmuk".

(25 markah)

7. Drama merupakan jentera komunikasi yang boleh menggerakkan masyarakat. Ia juga boleh dan kerap kali digunakan sebagai propaganda oleh golongan berkuasa. Dengan membincangkan drama-drama spesifik dari televisyen atau pentas, nilaiikan kenyataan-kenyataan ini.

(25 markah)

-oooOooo-